

SOALAN NO : 94**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 31 JULAI 2017
SOALAN : 94

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang kes-kes Japanese Encephalitis (JE) yang berlaku di Sarawak dan tindakan yang diambil untuk mengawal penularan penyakit itu. Samada tindakan tersebut adalah berkesan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2001, kejadian kes JE di Sarawak adalah tinggi iaitu 33 kes setahun dan pada masa tersebut Program Immunisasi JE diperkenalkan di Sarawak, dengan tujuan mengurangkan kejadian kes ini di negeri tersebut. Selepas 10 tahun program Immunisasi JE ini dilaksanakan, jumlah kes telah berkurang kepada hanya 4 kes pada tahun 2010. Bagi tahun 2017, sehingga tarikh 1 Julai 2017 sebanyak 3 kes dilaporkan iaitu masing-masing satu kes di Sarikei, Miri dan Samarahan.

Penyakit JE merupakan penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin kepada kumpulan berisiko seperti penternak khinzir dan penduduk yang tinggal berhampiran ladang khinzir. Di Sarawak, semua bayi yang dilahirkan akan diberi vaksin JE iaitu dos pertama pada usia 9 bulan dan dos kedua ("booster") pada usia 21 bulan, mengikut Jadual Program Immunisasi Negeri Sarawak.

Disamping itu, setiap kes JE yang dilaporkan akan diambil tindakan kawalan vektor iaitu dengan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan, semburan racun thermal membunuh nyamuk dewasa dan larviciding bagi membunuh jentik-jentik dalam lingkungan 2km radius dari rumah kes. Selain itu, liputan pemberian vaksin JE disekitar kawasan kes dipastikan mencapai seratus peratus di kalangan kanak-kanak dan remaja berumur 15 tahun ke bawah. Aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan JE dan langkah-langkah pencegahannya turut dipertingkatkan kepada masyarakat setempat.

Sebagai kesimpulan, semua kes JE yang dilaporkan di Sarawak adalah merupakan *single kes* dan tiada kejadian wabak dilaporkan di negeri Sarawak mahupun di seluruh Malaysia.